



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
**AMARAN JANGAN
KEMBALI BUAT MAKSIAT
SELEPAS RAMADHAN**



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"AMARAN JANGAN KEMBALI BUAT MAKSIAT SELEPAS RAMADHAN".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَوْمَ تَبَدَّلُ الْأَرْضُ غَيْرَ الْأَرْضِ وَالسَّمَوَاتُ وَبَرَزُوا لِلَّهِ الْوَحِيدِ الْقَهَّارِ ¹ ﴿٤٨﴾	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan digolongkan dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.	5
Umat Islam diberi "AMARAN JANGAN KEMBALI BUAT MAKSIAT SELEPAS RAMADHAN" , itulah tajuk khutbah Jumaat pada hari ini.	6

¹ Ibrahim : 48.



Sesungguhnya ibadah puasa Ramadhan sempurna ditunaikan dan bulan Ramadhan pun telah pergi. Kita berazam tidak akan cuai dan lalai di bulan Syawwal ini.

Oleh itu, janganlah berubah ketaatan kepada Allah dengan kemaksiatan dengan sebab bertukar masa, keadaan dan tempat. Janganlah beranggapan bahawa Ramadhan pergi maka bebas apa sahaja hendak dibuat pada bulan Syawwal ini. Lupakah kita pada Ramadhan yang lalu bahawa kita berdoa dijauhi azab kubur dan neraka dan mengaku takut azab siksa Allah, berazam menjaga solat fardhu lima waktu secara berjemaah, menunaikan solat jumaat dan solat sunat, menghadiri kuliah dan tazkirah dan sentiasa membaca al-quran.

7

Namun, bila Syawwal datang dan berlalunya Ramadhan, bahawa mata, telinga, lidah, tangan, kaki, hati dan perut yang berpuasa di bulan Ramadhan tetapi tidak lagi dijaga dan dipelihara apabila memasuki bulan Syawwal. Banyak kemaksiatan, kemungkaran, kejahatan dan keburukan yang dilakukan oleh anggota-anggota tubuh badan ini. Sepatutnya semua anggota tubuh badan ini yang berpuasa di bulan Ramadhan hendaklah terus berpuasa di bulan Syawwal ini dan bulan-bulan lain dan digunakan kepada mencari keredhaan dan keberkatan Allah SWT. Gunakanlah mata untuk memandang wajah ahli keluarga dengan perasaan kasih sayang, merenung ayat-ayat Allah dan melihat ciptaan dan kebesaran Allah dengan rasa kagum kepada Allah. Gunakanlah telinga untuk mendengar ayat-ayat suci al-Quran, kuliah agama dan nasihat serta ucapan yang baik.

8



Pada bulan lalu kita guna lidah untuk membaca Quran, maka janganlah berhenti lidah untuk bertilawah, berzikir dan memuji Allah, menyampaikan nasihat yang bermanfaat dan menyuruh kebaikan. Kalau kaki digunakan untuk melangkah ke masjid atau surau bagi menunaikan solat Isyak dan Tarawih berjemaah, maka teruslah melangkah kaki dengan penuh semangat menghidup dan mengimarahkan masjid dan surau disamping kaki dimanfaatkan untuk ziarah berhari raya bagi bertemu keluarga dan sanak saudara, saudara dan rakan-rakan.

9

Apa yang paling penting ialah hati kita iaitu raja segala anggota. Hati baik maka anggota lain pun baik. Hati jahat maka anggota lain pun turut jahat dan rosak. Sentiasalah berniat baik dan bersihkanlah hati kita. Gunakanlah hati untuk menginsafi diri, bermuhasabah dan menghargai nikmat yang Allah kurniakan.

10

Akhir sekali nikmat perut. Perut adalah sumber penyakit iaitu apa yang dimakan dan makan yang berlebihan akan mengundang kemalasan, kebodohan dan penyakit. Oleh itu, pada bulan Syawwal yang mulia ini, makanlah dan minumlah sekadar yang dapat memberikan kesihatan dan kekuatan untuk beribadah kepada Allah SWT dan janganlah makan dan minum berlebihan dan membazir

11

sebagaimana firmanNya dalam surah Al-A'araf ayat 31:

... وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

12

"...dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampaui batas, sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas."

13



<p>Sebaliknya Allah memberikan ancaman yang menggerunkan dan menakutkan pada hari akhirat nanti menjadikan anggota tubuh badan akan menjadi saksi dan bercakap perihal dan perlakuan dosa atau kesalahan yang kita lakukan sedangkan mulut akan ditutup dan tidak boleh berbicara lagi.</p>	14
<p>Allah SWT berfirman dalam Surah Yasin ayat 65:</p> <p>الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٦٥﴾</p>	15
<p><i>"Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus) dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing) dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan."</i></p>	16
<p>Oleh itu, marilah kita sama-sama pada bulan Syawwal dan seterusnya sampai akhir hayat kita mengekalkan istiqamah dan semangat Ramadhan dalam beribadah. Peliharalah hati dan seluruh anggota badan dengan amal kebaikan dan hindarilah dari kemaksiatan dan kejahatan. Perlulah sentiasa berdoa memohon ditetapkan keimanan, amal soleh dan akhlak mulia kepada Allah SWT kerana kita ini sifatnya lemah dan sentiasa mengharapkan kepada Allah SWT dalam setiap keadaan. Hati ini penting di dalam badan kerana ia akan menentukan sama ada baik atau buruknya akidah, ibadah dan akhlak seseorang.</p>	17



Daripada Nu'man bin Basyir beliau berkata, aku mendengar Nabi SAW bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

18

Maksudnya: "Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

19

Mengakhiri khutbah kali ini, maka ibrah dan pengajaran yang boleh diambil dari khutbah ini ialah:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa hidup dan kejadian manusia yang sempurna dan selesa ini adalah semata-mata untuk beribadah kepada Allah sepanjang masa.
2. Peganglah Islam kuat-kuat, Hiasilah diri dengan akhlak mulia dan rebutlah pahala dan ganjaran yang disediakan oleh Allah SWT dengan berlipatkali ganda sepanjang masa dengan melaksanakan ibadah wajib dan sunat.
3. Yakinlah bahawa kemusnahan, kerosakan dan kehancuran adalah sebab dosa, maksiat, kemungkaran dan kesalahan manusia.

20



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ فَكُلًّا أَخَذْنَا بِذَنبِهِ^ط فَمِنْهُمْ مَّنْ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِ حَاصِبًا وَمِنْهُمْ مَّنْ أَخَذَتْهُ الصَّيْحَةُ وَمِنْهُمْ مَّنْ خَسَفْنَا بِهِ الْأَرْضَ وَمِنْهُمْ مَّنْ أَغْرَقْنَا وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُظْلِمَهُمْ وَلَكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٤٠﴾</p>	21
<p><i>"Maka masing-masing Kami binasakan dengan sebab dosanya, iaitu di antaranya ada yang Kami hantarkan angin ribut menghujaninya dengan batu dan ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang menggempakan bumi dan ada yang Kami timbuskan dia di bumi dan ada pula yang Kami tenggelamkan di laut dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, akan tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Ankabut : 40).</i></p>	22
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	23
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	24



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَّرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22